Projek pemacu merupakan projek-projek yang dipilih bagi menerajui pertumbuhan daerah selari dengan visi Kuala Kangsar Daerah Warisan Hijau Sejahtera menjelang 2035.

1. Projek-projek pemacu ini merupakan projek yang boleh dilaksanakan dengan cepat sekurang-kurangnya bagi pelaksanaan fasa pertama.
2. Projek pemacu merupakan projek yang holistik yang boleh meransang pertumbuhan daerah dengan mengekalkan warisan dan alam semula jadi yang hijau, membuka peluang penyertaan aktiviti ekonomi kepada semua golongan penduduk serta meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan komuniti tempatan.
3. Projek-projek pemacu yang telah dikenal pasti menggunakan kekuatan aset tempatan sedia ada yang kemudiannya dipertingkatkan melalui penambahan nilai, integrasi aktiviti sebagai kluster dan disokong oleh pembangunan kemudahan dan infrastruktur bagi membentuk pakej dan rantai nilai yang kukuh.

Tiga (3) projek pemacu tersebut melibatkan Bandar DiRaja, Pelancongan dan Kesalinghubungan.

PROJEK PEMACU 01

Kuala Kangsar Bandar DiRaja dan Warisan

PROJEK PEMACU 02

Koridor Pelancongan Kuala Kangsar

PROJEK PEMACU 03

Meningkatkan Kesalinghubungan Daerah dan Akses Digital



Masjid Ubudiah
© APUDG (2019)



PROJEK PEMACU 1

Kuala Kangsar Bandar DiRaja dan Warisan

Projek Kuala Kangsar Bandar Diraja dan warisan bertujuan untuk mempertingkatkan peranan dan identiti Bandar Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja selari dengan fungsi yang telah diberikan dalam hierarki dan fungsi bandar Negeri Perak dan negara.

Projek ini merupakan satu langkah memertabatkan warisan DiRaja ke tahap yang lebih tinggi serta langkah pengekaln warisan. Usaha ini juga berupaya menjadikan Bandar Kuala Kangsar Bandar DiRaja sebagai destinasi pelancongan yang boleh memberi kesan limpahan yang sangat luas.

Komponen Projek Pamacu 01



Madrasah Idriasah




Masjid Ubudiah



Istana Kenangan (Muzium Diraja Perak)


Projek Pamacu 1



 Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan

 Heritage Street & Bandar Lama

 Tapak-tapak Warisan Kuala Kangsar

 Pembangunan Semula Lembah, Kuala Kangsar

KOMPONEN PROJEK Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan


Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan

1. Pengekalan bangunan-bangunan warisan di kawasan Kompleks Istana Bukit Chandan bersama persekitarannya termasuk beberapa kampung berdekatan agar keaslian (integrity of setting) kawasan Istana terpelihara.
2. Pengiktirafan tapak-tapak dan bangunan-bangunan warisan di dalam Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan.
3. Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan juga dicadangkan untuk dicalonkan secara bersiri (serial nomination) sebagai tapak warisan dunia UNESCO di bawah tajuk Kompleks Istana Kesultanan Melayu (Palace Complexes of the Malay Sultanate) sekiranya mendapat sokongan dan persetujuan daripada pihak pihak Istana negeri yang lain.
4. Menambah baik produk-produk yang mempamerkan warisan budaya DiRaja Melayu Perak seperti galeri jualan tekad benang emas, tengkolok, keris dan sebagainya
5. Menggalakkan "homestay" yang menyediakan pengalaman tinggal di rumah kutai, membuat kraf dan menyaksikan seni persembahan budaya Melayu.
6. Membangunkan jejak warisan DiRaja dengan menyediakan laluan pejalan kaki dan/atau laluan basikal ke bangunan-bangunan warisan DiRaja dan nod-nod pelancongan.
7. Menjadikan Perpustakaan Awam Kuala Kangsar sebagai pusat maklumat Kompleks Warisan DiRaja Bukit Chandan.
8. Menyediakan tempat letak kereta, kemudahan tempat makanan dan tempat duduk di kawasan bersesuaian.

Langkah-langkah bagi mengangkat tapak yang berpotensi sebagai Tapak Warisan




Langkah-langkah Pemuliharaan Rumah Kutai



KOMPONEN PROJEK

Cadangan Tapak-tapak Warisan Kuala Kangsar

1. Mengangkat tapak-tapak warisan yang telah dikenal pasti berpotensi sebagai Tapak Warisan;
2. Menyediakan papan penerangan di setiap tapak-tapak warisan yang dikenal pasti sebagai tapak warisan;
3. Mengadakan kerja-kerja pemeliharaan dan pemeliharaan bagi bangunan-bangunan dan tapak warisan yang berkenaan mengikut kaedah yang disarankan oleh Jabatan Warisan Negara agar keaslian reka bentuk, bahan binaan, teknologi binaan terpelihara;
4. Mengenal pasti nod bagi kluster tapak warisan dan menyediakan kemudahan asas seperti tempat rehat, kios makanan ringan, surau dan tandas; dan
5. Mewujudkan jejak warisan (*heritage trail*) dan mengintegrasikan dengan Komplek Warisan Diraja Bukit Chandan dan *Heritage Street* Jalan Maharajalela.



ISTANA BUKIT CHANDAN

Tapak- tapak Warisan Kuala Kangsar



ASET WARISAN BERPOTENSI



Makam

- i. Makam Tok Jawang
- ii. Makam Sheikh Mohamad Idris Al Marbawi
- iii. Makam Panglima Alang Ishak
- iv. Makam Sultan Mansur Shah
- v. Makam Sheikh Tahir Jaladdin
- vi. Makam DiRaja Al-Ghurfan



Bangunan Pendidikan

- i. Rumah Datuk Setia
- ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar
- iii. Hospital Pertama Kuala Kangsar
- iv. Bangunan Residensi
- v. Kediaman Pegawai Daerah



Warisan DiRaja

- i. Istana Raja Bendahara
- ii. Pavilion Polo
- iii. Istana Hilir
- iv. Kediaman Kerabat DiRaja (Syed Zaid)
- v. Baitul Annuar
- vi. Baitul Rahmah
- vii. Istana Iskandariah



Warisan Keagamaan

- i. Masjid Kota Lama Kanan
- ii. Surau Muhammadiyah
- iii. Gurdwara Sahib
- iv. Lutheran Church
- v. Church of St John the Baptist



Warisan Pendidikan

- i. Maktab Melayu Kuala Kangsar
- ii. SMK Raja Perempuan Kelsom



Bangunan dan Monumen

- i. Empangan Chenderoh
- ii. Jambatan Iskandar
- iii. Pokok Getah Pertama
- iv. Kelab Idris
- v. Menara Jam Besar
- vi. Rumah Kolonial
- vii. Istana Singgah Tengku Ampuan Selangor



Rumah Melayu Tradisional

- i. Rumah Kutai (Kampung Jias)
- ii. Rumah Kutai (Kampung Sayong Lembah)
- iii. Rumah Kutai Kampung Sayong Tengah)
- iv. Rumah Kutai (Kampung Sayong Masjid)
- v. Rumah Kutai (Kampung Kuala Sayung Hilir)
- vi. Rumah Kutai (Kampung Bendang Kering)



Baitul Annur



Istana Gahara



Baitul Rahmah



Rumah Kutai Kg. Sayong Tengah



Istana Singgah Tengku Ampuan Selangor



Jambatan Iskandar



Sekolah Kecil, Maktab Melayu Kuala Kangsar



SMK Clifford

KOMPONEN PROJEK Heritage Street Jalan Dato Maharajalela

Cadangan ini adalah usaha untuk mengekalkan keaslian senibina deretan Rumah Kedai di Jalan Dato' Maharaja Lela melalui projek restorasi fasad bagi mengembalikan keaslian rekabentuk senibina kepada yang asal, dan ini secara tidak langsung akan mewujudkan identiti tersendiri bagi Kuala Kangsar dan menyokong identiti Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja dan Warisan.

Projek 'heritage street' ini akan melibatkan:

- Restorasi jalan, ruang pejalan kaki, peparitan dan kaki lima;
- Pengcahayaan bangunan pada waktu malam;
- Penyediaan papan tanda yang mempunyai rekabentuk warisan;
- Papan penerangan sejarah Jalan Dato Maharajalela dan Bandar Lama Kuala Kangsar;
- Menggalakkan aktiviti perniagaan seperti hotel butik, restoran dan kafe, perniagaan penjualan seni kraf dan cenderamata serta lain-lain perniagaan runcit dan perkhidmatan yang sesuai; dan
- Integrasi "heritage street" Jalan Dato Maharajalela dengan cadangan pembangunan semula Dataran Lembah Sg Perak melalui jalan raya dan laluan pejalan kaki yang mempunyai identiti yang selari.



KOMPONEN PROJEK Pembangunan Semula Lembah Kuala Kangsar

Cadangan ini bertujuan menambah baik pembangunan dan aktiviti di Lembah, Kuala Kangsar yang menjadi salah satu mercu tanda Bandar DiRaja Kuala Kangsar. Komponen baru pembangunan ini akan menempatkan aktiviti warisan Melayu Perak seperti kuih-muih tradisional, makanan, busana serta aktiviti kebudayaan dan rekreasi. Bangunan baru dicadangkan mempunyai reka bentuk warisan Melayu Perak yang akan meningkatkan karakter Kuala Kangsar sebagai Bandar DiRaja;

Menaik taraf kawasan laluan pejalan kaki dengan “*traffic calming*” dan *promenade* sungai yang bersambung sehingga menjadi destinasi utama pelancongan;

Pembangunan semula padang bola menjadi dataran Wisma MBKK dengan *boardwalk* di Pesisir Sungai.



Pelan Induk Cadangan Dataran Lembah Sg Perak



KOMPONEN PROJEK

Taman Promenade Sungai Kangsar

1. Cadangan ini juga meliputi pembangunan taman pesisir Sungai Kangsar yang berupa *promenade*, amfiteater dan dataran yang terhubung dari Dataran Putra menyusuri pinggiran sungai hingga ke bahagian belakang rumah kedai di sekitarnya.
2. Reka bentuk *promenade* sungai ini mengukuhkan karakter Bandar DiRaja Kuala Kangsar dengan perabot taman yang khas seperti lampu-lampu berciri khas klasik. Dicadangkan juga kawasan duduk berteres yang dilengkapi dengan *trellis*, *kiosk* makanan dan minuman dan pokok teduhan.

Gambar Ilustrasi Taman Promenade Sungai Kangsar



Pelan dan Keratan Rentas Taman Promenade Sungai Kangsar



Kawasan dengan profil sungai semula jadi yang mengekalkan ciri tebing sungainya dan ditingkatkan dengan tanaman akuatik & boardwalk.




Keratan rentas *promenade* koridor sungai yang diaktifkan dengan beberapa aktiviti menarik pengunjung seperti *kiosk*, restoran dengan tempat untuk berehat dan lampu-lampu di malam hari.





Jambatan Victoria dan Sungai Perak
© APUDG (2019)

KOMPONEN PROJEK Cadangan Pusat Pelancongan Sauk-Chenderoh




Cadangan Pusat Pelancongan Sauk-Chenderoh

Cadangan ini menggabungkan aktiviti pelancongan, perikanan dan perniagaan di Pekan Sauk dan Tasik Chenderoh. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan adalah seperti:

1. Resort pelancongan di Tasik Chenderoh;
2. Dataran Makanan Sungai di Tasik Cenderoh ;
3. Pusat jualan ikan di Tasik Cenderoh;
4. Jeti nelayan dan jeri penumpang di Tasik Cenderoh; dan
5. Dataran Sauk (padang awam & kawasan rekreasi, pusat maklumat pelancongan Sauk-Tasik Cenderoh, kawasan perniagaan dan bazar).

Ilustrasi Resort Pelancongan Sauk-Chenderoh



Cadangan Pusat Pelancongan Sauk-Chenderoh

KOMPONEN PROJEK

Cadangan Pusat Industri Kreatif dan Kraftangan Sayong Sebagai Destinasi Pelancongan Unik

Cadangan ini bertujuan memperkasa industri labu Sayong dan kraf tangan Kuala Kangsar dengan mewujudkan kluster industri labu Sayong yang kuat di Mukim Sayung selain menghidupkan semula Kompleks *Riverfront* Sayong yang mempunyai pavilion karya seni dan kraf tangan, restoran, dewan pameran, bilik mesyuarat dan pelantar laluan tepian sungai.

Langkah-langkah bagi membangunkan kluster labu Sayong di Mukim Sayung adalah:

1. Memperbaiki bengkel pembuatan labu Sayong yang terpilih supaya lebih mesra pelanggan, bersih dan selamat bagi membolehkan lawatan sambil belajar dilaksanakan di bengkel-bengkel yang sesuai;
2. Memperbaiki galeri pameran di bengkel-bengkel pengusaha labu Sayong bagi menarik minat pelancong;
3. Program pelebaran jalan kampung dan penyediaan papan tanda arah dan papan iklan produk kraf labu Sayong;
4. Naik taraf bekalan air dan elektrik sedia ada bagi keperluan pengusaha industri kraf;
5. Penyediaan internet berkelajuan tinggi bagi tujuan promosi dan pemasaran produk kraf;
6. Penyediaan kawasan tempat letak kenderaan dan bas pelawat/pelancong;
7. Pengurusan dan penyelenggaraan kawasan perkampungan kraf Sayong yang cekap melalui pembentukan badan pengurusan bersama (Pejabat Daerah/MPKK/Persatuan Pengusaha Labu Sayong, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia); dan
8. Cadangan Jejak Industri Kraf Labu Sayong.



KOMPONEN PROJEK

Menjenamakan Sayong Resort sebagai Kompleks Budaya dan Kraf Kuala Kangsar

1. Membuka semula Kompleks Riverfront Sayong sebagai Kompleks Kraftangan dan Budaya dengan kerjasama di antara State Secretary Incorporated, Lembaga Kraftangan Malaysia, Persatuan Labu Sayong Kuala Kangsar dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar;
2. Pengisian pavilion karya seni dan kraftangan dengan jualan kraf tangan, karya seni lukis dan seni tampak;
3. Membuka galeri demonstrasi pembuatan kraf (labu sayong, tekad, tudung saji, keris, barang mengkuang, dan lain-lain) bagi memberi pengalaman secara "live" kepada pelancong;
4. Pentas persembahan kebudayaan;
5. Mengekalkan hotel sebagai sebahagian dari Kompleks Kraftangan dan Budaya Kuala Kangsar; dan
6. Promosi dan pemasaran program dan kalendar aktiviti mingguan/bulanan dan tahunan Kompleks Kraftangan dan Budaya Kuala Kangsar.



Pembuatan produk kraf seramik Labu Sayong



Contoh persembahan kebudayaan Melayu



Hotel Sayong Resort, Kuala Kangsar



Bilik penginapan Sayong Resort



Contoh galeri seni lukis



Aneka makanan tradisional Perak

KOMPONEN PROJEK Kluster Pelancongan Karai

Cadangan ini mengintegrasikan beberapa inisiatif dan produk-produk pelancongan sedia ada serta menaik taraf Pekan Karai bagi menyokong produk pelancongan yang terdapat di sekitar.

Produk-produk dan aktiviti pelancongan sedia ada yang boleh membentuk kluster pelancongan adalah:

- Victoria Bridge
- D'Village Hotel @ Victoria Bridge Karai
- Laluan basikal Sungai Perak Victoria – Kg. Raja Intan Suraya



Memelihara dan menaik taraf bangunan rumah kedai Pekan Karai



Lokasi Cadangan Kluster Pelancongan Karai



Bagi memperkukuhkan kluster pelancongan di Pekan Karai, beberapa inisiatif pembangunan telah dicadangkan Dataran Karai iaitu di lokasi menghadap Sungai Perak bersebelahan D'Village Hotel @ Victoria Bridge Karai:

1. Menaik taraf deretan kedai lama di Pekan Karai dengan menggalakkan pemilik memelihara dan membaik pulih bangunan lama dengan garis panduan tertentu serta mengecat dengan warna yang menarik;
2. Menggalakkan aktiviti perniagaan yang menyokong aktiviti pelancongan seperti hotel butik, restoran dan kafe serta kedai cenderahati dan kraf;
3. Pengindahan bandar dengan landskap jalan dan lampu jalan yang menarik; dan
4. Pencahayaan bangunan di waktu malam.



LALUAN BASIKAL SUNGAI PERAK VICTORIA - KG. RAJA INTAN SURAYA

• Trek basikal tahap sederhana sepanjang 25km.

• Berbasikal atas risiko anda sendiri.

SCAN ME



#sgperakbiketrial
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. Laluan basikal Sg Perak Victoria-Kg Raja Intan Suraya telah dirasmikan pada tahun 2020.
2. Projek sepanjang 25 kilometer ini menggunakan jalan kampung sedia ada, rizab sungai dan jalan JKR (Jabatan Kerja Raya) sebagai laluan berbasikal.
3. Laluan ini akan di sambung sehingga ke Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Perak iaitu sepanjang 37 kilometer.
4. Laluan basikal ini mempunyai hentian di 9 buah kampung pesisir Sungai Perak iaitu:

- Kg Raja Intan Suraya
- Kg Dato Sagor
- Kg Bekut
- Kg Pulau Kemiri
- Jeti Batu Mat Sepat
- Jeti Sg Jawang
- Kg Jawang
- Kg Keranji
- Kg Periang
- Dataran Victoria



PEMAJU PROJEK 3

Meningkatkan Kesalinghubungan Daerah dan Akses Digital

Projek pemacu ini bertujuan mempertingkatkan akses ke daerah Kuala Kangsar terutama ke bandar-bandar utama dalam daerah bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan rebakan pembangunan yang seimbang. Peningkatan kesalinghubungan daerah juga bertujuan untuk memastikan isipadu jalan raya yang mampan dan selamat untuk digunakan.

Kesalinghubungan daerah juga merangkumi penyediaan kemudahan telekomunikasi dan multimedia ke arah teknologi digital bagi menyokong pertumbuhan bandar pintar dan Revolusi Industri 4.0.

Komponen projek


1. Pembinaan susur keluar dan masuk Lebuhraya Utara-Selatan yang baharu.
2. Cadangan jalan baru Manong-Menglembu.
3. Memperluaskan liputan dan menaik taraf kualiti jalur lebar tetap dan mudah alih di seluruh daerah Kuala Kangsar.
4. Memperluaskan capaian komuniti kepada kemudahan internet.



Komponen Projek Pembinaan Susur Keluar dan Masuk Lebuhraya Utara-Selatan yang Baharu

- Cadangan ini dapat mengurangkan kesesakan dan kes kemalangan di Terowong Menora selain meningkatkan akses antara bandar ke selatan daerah Kuala Kangsar terutama ke Manong.
- Cadangan susur keluar masuk Lebuhraya Utara-Selatan yang baru terletak berdekatan kawasan R&R Sg Perak. Susur keluar ini akan dihubungkan ke jalan A164 dengan jalan hubungan baru sepanjang lebih kurang 1km. Persimpangan berbentuk "trumpet" ini akan mempunyai plaza tol yang baru.
- Langkah-langkah pelaksanaan adalah seperti berikut:
 1. Menyediakan Traffic Forecast Study bagi persimpangan baru ini.
 2. Mengadakan kerjasama dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi memastikan pelaksanaan yang cepat dan berkesan.

Cadangan Susur Keluar dan Masuk Baru Lebuhraya Utara-Selatan



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Kuala Kangsar 2035 (Penggantian), 2020

KOMPONEN PROJEK

Cadangan Jalan Baharu Manong-Menglembu

Cadangan jalan baru ini adalah satu alternatif bagi menghubungkan Daerah Kuala Kangsar dengan Bandaraya Ipoh di bahagian selatan. Cadangan ini akan mengurangkan kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan dan juga Jalan Persekutuan yang menghubungkan Bandaraya Ipoh-Sungai Siput (U)-Kuala Kangsar-Padang Rengas.

Cadangan baru ini berpotensi untuk mempercepatkan pertumbuhan bandar Manong yang merupakan pintu masuk ke Daerah Kuala Kangsar di sebelah selatan.

Perincian projek adalah seperti berikut:

- Panjang keseluruhan jalan baharu dari Menglembu ke Kuala Kangsar adalah 13.4km;
- Jalan ini merupakan jalan dua lorong dua hala; dan
- Rizab jalan adalah 30 meter.



Cadangan Jalan Raya Baharu - (Jalan Manong - Menglembu) (15.2 km)

CADANGAN JALAN BAHARU DAERAH KUALA KANGSAR



RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH KUALA KANGSAR
2035 (PENGANTIAN)



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian), 2020

PETUNJUK:

- | | | |
|--------------------------|-------------------------------|-----------------|
| Jalan Manong - Menglembu | Lain-lain: | Sempadan Negeri |
| Bandar / Pekan | Sempadan Daerah Kuala Kangsar | Sempadan Daerah |
| Stesen dan Laluan KTMB | Lebuhraya | Sempadan Mukim |
| Jalan Raya Utama | Sungai | |



KOMPONEN PROJEK

Memperluaskan Liputan dan Menaik Taraf Kualiti Jalur Lebar Tetap dan Mudah Alih di Seluruh Daerah Kuala Kangsar

Cadangan ini bertujuan untuk memastikan sasaran Jalinan Digital Negara (JENDELA) iaitu program di peringkat negara dapat direalisasikan di daerah Kuala Kangsar. Cadangan ini melibatkan beberapa program dan sasaran berikut:

- Liputan 4G di seluruh daerah menjelang 2025 selari dengan sasaran program JENDELA
- Memperluaskan rangkaian gentian optik ke kawasan pinggir bandar, di sekolah, bangunan institusi kerajaan, hospital dan balai polis
- Menyediakan tapak telekomunikasi baru di kawasan komersial dan kawasan kurang liputan. Oleh itu, kesemua pembangunan baharu dan pembangunan semula yang meibatkan kediaman, komersial, industri, pembangunan bercampur, hub pengangkutan dan institusi kerajaan perlu menyediakan rizab tapak bagi pembinaan menara atau struktur pemancar telekomunikasi.

CADANGAN PUSAT INTERNET BAHARU DAN MENAIK TARAF PUSAT INTERNET SEDIA ADA

PETUNJUK:

- Cadangan Pusat Internet Baru
- Cadangan Menaiktaraf Pusat Internet Sedia Ada

Lain-lain:

- Bandar / Pekan
- Sempadan Daerah Kuala Kangsar
- Stesen dan Laluan KTMB
- Lebuhraya
- Jalan Raya Utama
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim



RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH KUALA KANGSAR
2035 (Penggantian)



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian), 2020



KOMPONEN PROJEK

Memperluaskan Capaian Komuniti Kepada Kemudahan Internet

- Penyediaan Wifi Percuma. Penyediaan Wifi percuma dicadangkan di pusat bandar Kuala Kangsar dan pusat bandar Sungai Siput (U), kawasan tumpuan pelancong, terminal pengangkutan dan bangunan-bangunan awam seperti pejabat pos, perpustakaan awam, hospital, balai polis dan sebagainya; dan
- Penyediaan Pusat Internet di Kawasan Luar Bandar. Cadangan penyediaan pusat internet di kawasan luar bandar termasuklah pembinaan pusat-pusat baharu dan menaik taraf pusat internet sedia ada dengan kemudahan gentian optik bagi memastikan kemudahan yang disediakan terkini dan pantas.






TERAS PEMBANGUNAN

Visi Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian) diterjemahkan kepada perancangan sektoral melalui tiga (3) teras. Teras-teras tersebut memberi fokus khusus kepada pengekalan kelestarian persekitaran fizikal, pembangunan ekonomi inklusif yang dipandu oleh katalis ekonomi yang akan menjana peluang pekerjaan dan memberi kesejahteraan kepada penduduk. Teras terakhir adalah peningkatan kepelbagaian kemudahan perumahan dan kemudahan masyarakat, ketersampaian dan ketersediaan infrastruktur bagi memastikan kualiti kehidupan yang tinggi di kalangan masyarakat seluruh daerah termasuk di kawasan luar bandar.

Setiap teras disokong oleh beberapa strategi dan tindakan yang memberi penekanan kepada sektor-sektor tertentu. Ini bagi memastikan isu-isu dan cabaran sedia ada dapat ditangani dengan berkesan dan kekuatan serta potensi sektoral diperluaskan dan mencapai sasaran. Setiap tindakan disusuli oleh cadangan-cadangan projek serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan mengikut jangka masa yang sesuai.







TERAS 1

PERSEKITARAN FIZIKAL BERIDENTITI HIJAU (FH)

- Bandar Kuala Kangsar yang terkenal sebagai Bandar DiRaja Negeri Perak dan merupakan salah satu destinasi pelancongan warisan yang terkenal dan berpotensi untuk berkembang dengan lebih baik. Rantainya nilai ekonomi yang dijana oleh warisan dan sejarah menjadikan tapak warisan sebagai aset yang bernilai tinggi yang perlu dikekalkan dan dipelihara dengan baik.
- Pusat-pusat bandar dan pusat petempatan ini juga kaya dengan karakter fizikal yang tersendiri yang perlu dipelihara, dipertingkatkan dan diintegrasikan dengan pembangunan masa akan datang. Ini termasuklah menyediakan kawasan rekreasi, laluan pejalan kaki, tempat tumpuan awam yang hijau, indah dan nyaman yang dinikmati oleh penduduk selain memupuk perkongsian dan kerjasama komuniti setempat.
- Perancangan pembangunan daerah pada masa hadapan akan mengekalkan dan meningkatkan kualiti ekosistem alam semula jadi dengan mengawal pencerobohan hutan supaya kawasan dapat dikekalkan dan diganti dengan keluasan yang wajar sekiranya digunakan untuk tujuan pertanian atau pembangunan lain.
- Kualiti sumber jaya pada masa hadapan juga memberi penekanan kepada pengurangan konflik hidupan liar dengan menggalakkan koridor hijau dan kawasan riparian bagi menjamin kesinambungan kawasan hijau dan biru untuk kehidupan flora dan fauna. Ekosistem sumbernya yang berkualiti menjamin kemampuan sumber jaya agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang.
- Persekitaran fizikal hijau di daerah Kuala Kangsar dikekalkan dan dipertingkatkan bagi kesejahteraan penduduk dan memastikan kemampuan pembangunan daerah.



TERAS 1 PERSEKITARAN FIZIKAL BERIDENTITI HIJAU (FH)



FH1-A: Rumah kedai yang mempunyai nilai warisan FH1-B: Rumah Tradisional Melayu di Kuala Kangsar (Rumah Kutai) FH1-C: Antara aset warisan bernilai tinggi



Sumber: thriftytraveller.wordpress.com




Sumber: orangperak.com, 2015




Sumber: orangperak.com, 2019

TERAS 2 EKONOMI INKLUSIF (EI)

- Menjelang tahun 2035, ekonomi daerah Kuala Kangsar yang dipacu oleh sektor pemangkin ekonomi dijangka meningkat maju dan menjana kemakmuran daerah.
- Kemakmuran dan kekayaan yang terhasil dari teras ekonomi inklusif ini akan memberi peluang kepada seluruh penduduk untuk menyertai sektor ekonomi yang akan diserakkan keseluruhan daerah melalui pembangunan di pusat tempatan dan pusat pertumbuhan desa.
- Teras ekonomi inklusif menggalakkan pertumbuhan ekonomi daerah yang dipacu oleh sektor pemangkin yang dikenal pasti berasaskan kekuatan dan potensi sektor dan sumberjaya tempatan.
- Sektor pemangkin ekonomi juga merupakan sektor yang mampu memberi akses yang mudah kepada penduduk untuk menyertai bidang pekerjaan termasuk bekerja di rumah.
- Industri kraf warisan dan industri desa, pertanian, penternakan dan akuakultur serta pelancongan adalah sektor-sektor ekonomi pemangkin yang boleh membuka peluang kepada semua penduduk.



TERAS 2 EKONOMI INKLUSIF (EI)



E12-A: Industri kraf utama di Kuala Kangsar



Sumber: bharian.com.my, 2020

E13-A: Pertanian berteknologi tinggi



Sumber: worldscholarshipforum.com, 2021


E14-B: Antara kemudahan sokongan pelancongan




Sumber: thestar.com.my, 2020

TERAS 3 PERSEKITARAN HIDUP SEJAHTERA (PH)

- Persekitaran yang baik serta kondusif akan membentuk suatu kawasan yang berdaya huni.
- Penyediaan perumahan yang mencukupi serta mampu milik dapat memberi peluang kepada penduduk khususnya dalam Daerah Kuala Kangsar untuk memiliki tempat tinggal yang mampu dimiliki.
- Penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi juga adalah penting bagi membentuk interaksi sosial antara manusia yang menjadikan sebuah kejrangan itu dapat hidup dalam keadaan yang harmoni.
- Kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi dapat membentuk masyarakat yang sihat daripada segi fizikal dan mental.



TERAS 3 PERSEKITARAN HIDUP SEJAHTERA (PH)



PH 1-A: Antara aktiviti rekreasi sungai (water rafting) PH 1-D: Pengurusan sisa pepejal yang mampan



Sumber: letsgholiday.my, 2017



Sumber: hmetro.com.my, 2021

PH 5-B: Contoh aktiviti rekreasi hutan (Tunggang ATV)



Sumber: vectorstock.com, 2021

